

Sila semak semasa dilafazkan

**UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATO' SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD ALI
DI MAJLIS JAMUAN MAKAN MALAM
KEJOHANAN BADMINTON TERBUKA MALAYSIA 1999
DI HOTEL CONCORDE, SHAH ALAM
PADA HARI SELASA, 29 JUN 1999
JAM 8.30 MALAM**

Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Kerajaan Negeri Selangor dan Jawatankuasa Penganjur kerana memberikan penghormatan kepada saya untuk bersama-sama di Majlis Makan Malam sempena Kejohanan Badminton Terbuka Malaysia yang pada tahun ini dipertandingkan di Shah Alam Selangor. Saya difahamkan bahawa Kejohanan Terbuka Malaysia tahun ini telah dapat menarik ramai pemain-pemain handalan dari seluruh dunia. Walaupun demikian, saya berharap pemain-pemain kita akan berlatih serta berusaha dengan gigih dan bersungguh-sungguh sehingga tahap tertinggi. Adalah lebih baik sekiranya kita dapat menjadi juara. Kalau tidak pun, saya berharap pemain-pemain kita akan memberikan usaha dan prestasi yang terbaik.

2. Pada tahun 2000, kita akan menganjurkan Kejohanan Peringkat Akhir Piala Thomas dan Uber. Saya dimaklumkan bahawa sasaran utama BAM pada tahun 2000 ialah untuk memenangi Piala Thomas dan seterusnya meraih pingat-pingat di Sukan Olimpik, 2000. Saya ingin menasihatkan pemain-pemain kita untuk memberikan tumpuan kepada latihan dan pertandingan mereka ke arah sasaran tersebut. Segala masalah dan kepentingan diri perlu diketepikan demi semangat sepasukan dan negara kita. Cabaran negara menjelang Piala Thomas dan Sukan Olimpik sememangnya memerlukan fokus yang padu oleh semua pemain-pemain dan pegawai sebagai satu unit yang bersatu, dan ekoran daripada itu pasukan akan dapat berusaha serta memberikan cabaran untuk menjadi juara.

3. I am indeed happy to be with you here tonight in conjunction with the Malaysia Open 1999. I would like to wish a warm "Selamat Datang" or Welcome to all of you, especially those from a far and near to Malaysia and especially to this beautiful city of Shah Alam. I hope that

all of you will find some time to enjoy the beauty that this city can provide during your short visit here.

4. I am indeed glad that the Malaysia Open this year has attracted a large number of top players. Truly it will be a great event and I will try to come by during the course of the tournament. I would like to wish all of you a very good tournament and may all of you enjoy your stay here and return home with fond memories of what Malaysia and its people really are.

5. As the patron of the Badminton Association of Malaysia, I would like to congratulate and record our gratitude and appreciation to the State Government of Selangor, the Organising Committee under the leadership of YB Dato Zainal Dahalan, for successfully organising this year's Malaysia Open. I would also like to say "thank you" to our main sponsors Proton-EON and the other sponsors who in various ways have contributed to the success of this event.

6. With these words and hoping that this year's Malaysia Open will be conducted in the true spirit of sportsmanship, I hereby declare open the Malaysia Open 1999.

Pejabat Perdana Menteri

Putrajaya